



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**TEMPAHAN SLOT KUARANTIN BAGI KEMASUKAN PEKERJA WARGA ASING**

1. Permohonan bagi pengajian pekerja warga asing telah dibuka secara dalam talian mulai 15 Februari 2022. Sehingga 1 Mac 2022, sejumlah **171,133 permohonan** telah diterima membabitkan **sektor perkilangan (118,967), perkhidmatan (21,040), perladangan (15,787), pembinaan (12,252) serta pertanian (3,087)**.
2. Kemasukan pekerja warga asing ini ke dalam negara dijangka mulai bulan ini. Oleh yang demikian, saya ingin memaklumkan bahawa para majikan **boleh membuat tempahan slot kuarantin** setelah pekerja warga asing lulus pemeriksaan kesihatan dan dikeluarkan Visa Dengan Rujukan (VDR). **Tempahan ini boleh dibuat menerusi platform *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* – [www.fwcms.com.my](http://www.fwcms.com.my)**
3. Ketika ini, lokasi pusat kuarantin adalah terhad dan berada di sekitar Lembah Klang merangkumi hotel-hotel seperti yang terdapat dalam senarai pusat kuarantin swasta yang telah diluluskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara.
4. Anggaran bagi kos kuarantin adalah antara RM2,000 dan RM3,000 yang merangkumi penyediaan penginapan, makan minum (3 kali sehari), pengangkutan ke pusat kuarantin serta ujian saringan COVID-19 semasa dalam tempoh kuarantin.

**DATUK SERI M. SARAVANAN  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
2 MAC 2022**